



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS PERHIMPUNAN MAULUD
NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ‘ALAIHI WASALLAM
PERINGKAT NEGARA BAGI TAHUN 1446H / 2024M**

**PADA HARI ISNIN, 12 RABI’ULAWAL 1446H
BERSAMAAN 16 SEPTEMBER 2024M.**

**BERTEMPAT DI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR ‘ALI
SAIFUDDIEN, BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ سَتَّعِينُ عَلَى أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى أَلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Menghadap Kehadapan Majlis,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

Alhamdulillah wasysyukru Lillah. Kita memuji segala kebesaran dan kemuliaan Allah Subhanahu wa Ta'ala sambil kita mensyukuri segala ni'mat-Nya yang banyak tidak terkira. Dan dengan izin-Nya pagi ini, dan dengan berkat daulat serta kepimpinan bijaksana lagi berwawasan Kebawah Duli Tuan Patik memungkinkan kita senegara menyambut Maulud Nabi Muhammad Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dengan acara perhimpunan dan perarakan di seluruh daerah di Padang-Padang Bandaran dan Pekannya dan kita di ibu negara di sini di Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien yang bersejarah dengan diserikan oleh keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik yang seterusnya berkenan mengepalai perarakan beramai-ramai oleh lapan puluh pasukan peserta yang terdiri daripada wakil-wakil

kementerian, institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah, persatuan-persatuan dan sekotor swasta.

Maka dengan penuh hormat lagi ta'zim hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian dalam Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebasaran Islam Peringkat Negara dan Jawatan-Jawatankuasa Kerjanya serta kepimpinan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang menjadi pengajur bersama sambutan ini, menjunjung ampun menyembahkan sembah junjung kasih, disertai dengan mendoakan semoga Kebawah Duli Tuan Patik dan sekalian Ahli Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik akan sentiasa dalam perlindungan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan limpahan rahmat sihat sejahtera dan ni'mat bahagia.

Seterusnya disembahkan bahawa sesungguhnya kita senegara akan terus menerus menyambut dan mera'ikan Maulud Nabi.

Sambutan Maulud Nabi adalah tanda kasih dan menjunjung tinggi jasa kepimpinan Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Ia juga sebagai menyatakan kesyukuran atas ni'mat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjadikan kita berugama Islam dan bernegarakan negara Islam yang beriman menurut kepimpinan Junjungan kita Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang diutus oleh Allah sebagai Rasul-Nya menjadi rahmat kepada seluruh alam. Firman Allah mengesahkan perkara itu ialah ayat 107 surah al-Anbiya:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Tafsirnya: "Dan Kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".

Dan Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri menegaskan إِنَّمَا بُعْثُ لِأَنَّهُم مَكَارِمُ الْأَخْلَاقِ yang dapat difahamakan sebagai bermaksud antaranya ialah Baginda itu dengan keperibadian tinggi lagi mulia adalah mencontoh-tauladankan kesempurnaan akhlak mulia dan kesucian ajaran Islam yang Baginda dakwahkan.

Dalam masa yang sama Sambutan Maulud Nabi setiap tahun adalah kesempatan untuk mendakwahkan ajaran Islam, khasnya untuk membawakan tema-tema yang berkenaan dengan isu-isu sosial kemasyarakatan seperti isu *gejala mental* yang sedang menjadi perhatian untuk ditangani.

Maka tema Sambutan Maulud tahun ini adalah mengungkapkan kata-kata slogan seruan untuk *Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Memelihara akal dalam ertikata supaya ia tetap sihat dan berfungsi dengan baik, tidak menimbulkan *gejala-gejala mental*.

Dalam memelihara akal itu kita menyerukan supaya berpandukan sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* iaitu jalan dan cara Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* menangani sesuatu gejala penyakit secara kerohanian. Tambahan pula kita diberitahu oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bahawa pada diri Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* itu terdapat contoh yang baik bagi kita yang mengharapkan keredhaan Allah dan kebahagiaan hari akhirat, serta banyak berzikir mengingati Allah.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

[Surah al-Ahzab: 21]

Ditegaskan lagi bahawa maksud tema “*Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam*” adalah menyerukan supaya isu gejala mental yang kini mendapat perhatian untuk ditangani itu maka sayugialah juga dengan pendekatan kerohanian sesuai keperluannya disamping pendekatan saintifik yang diamalkan dalam perkhidmatan kesihatan modern sekarang.

Demikianlah disembahkan dengan menjunjung ampun jua jika tersalah suruk langkah dan pilihan tutur kata.

Ampun Beribu Ampun,

Demikianlah, sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini hamba kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan bagi menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan:

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Demikian juga sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuara
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Dan juga sembah junjung kasih atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria,

Ucapan terima kasih atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat iaitu Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Ugama Islam dan Majlis Mesyuarat Negara,

- Yang Mulia, Timbalan-Timbalan Menteri,
- Tetamu-Tetamu Kenamaan lainnya,
- Tuan Yang Terutama, Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin dan para peserta perhimpunan.

Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* merahmati kita sekalian di dunia ini dengan berkat berselawat untuk nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dengan mengharapkan syafaat baginda di hari akhirat kelak.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Daraina 8, Simpang 530,
Km 13 Jalan Kota Batu,
BD 2517, Brunei Muara.

11hb Rabiulawal 1446H / 15hb September 2024M